

**NGO perlu berhati-hati keluar kenyataan isu kaum  
Malaysiakini.com  
August 07, 2010**

Bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohammed Hanif Omar, hari ini mengingatkan badan bukan kerajaan (NGO) supaya berhati-hati dalam penggunaan bahasa apabila membicarakan isu kaum.

Katanya, mereka perlu memastikan penggunaan bahasa tidak menyinggung mana-mana pihak.

"Setiap pihak berhak mengeluarkan apa-apa kenyataan namun ia tidak perlu dimulakan dengan ayat yang menyinggung pihak lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat tahunan ke-55 Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau mengulas mengenai terdapatnya NGO yang mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman berulang kali.

Mohammed Hanif berkata, ini tidak bermaksud kenyataan mereka tidak boleh diterima, "cuma setiap tuntutan, ucapan dan bahasa yang digunakan haruslah tidak menyinggung perasaan orang lain."

Beliau berkata, berkata untuk mengajukan pendapat, ada caranya.

Menyentuh cadangan beberapa pihak supaya pusat hiburan ditutup sempena bulan Ramadan, Mohammed Hanif, yang juga Timbalan Pengerusi Genting Berhad, berkata cadangan itu tidak munasabah memandangkan Malaysia mempunyai masyarakat pelbagai kaum dan tindakan berkenaan tidak adil kepada masyarakat bukan Islam.

"Bagaimanapun, adalah munasabah bagi pusat hiburan menghalang umat Islam daripada berkunjung ke pusat hiburan sempena bulan Ramadan sewaktu umat Islam diwajibkan berpuasa," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/139455>